



TEKS UCAPAN

**YB TUAN HAJI KHALID BIN ABD. SAMAD
MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN**

**MAJLIS SUMBANGAN DEEPAVALI
PERINGKAT KEMENTERIAN WILAYAH
PERSEKUTUAN TAHUN 2019**

**DEWAN MENARA KEMBAR BANK RAKYAT,
JALAN TRAVERS, BRICKFIELDS, KUALA LUMPUR**

19 OKTOBER 2019 (SABTU)

11.30 PAGI

Salutasi (akan diberikan sebelum majlis)

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum

Warahmatullahi

Wabarakatuh Dan Salam Sejahtera.

PENDAHULUAN

Alhamdulillah, segala puji dan syukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah izinNya dapat kita berkumpul pada hari yang penuh bermakna ini. Saya bersyukur kerana pada hari ini kita dapat bersama-sama dalam Majlis Sumbangan Deepavali peringkat Kementerian Wilayah Persekutuan bagi tahun 2019.

2. Saya juga bersyukur kita dapat bersama-sama dengan kaum India yang akan menyambut

perayaan Deepavali tidak lama lagi. Pihak kementerian dan agensi seperti Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah mengambil pendekatan secara berterusan dengan menganjurkan program sumbangan sempena perayaan-perayaan lain juga seperti Hari Raya Puasa dan Tahun Baru Cina. Ini bagi memastikan penganjuran program sebegini memberikan impak yang maksimum dan usaha-usaha penambahbaikan sentiasa dilaksanakan secara berterusan.

3. Sukacita saya ingin memaklumkan bahawa Kerajaan amat prihatin terhadap masalah yang dihadapi oleh warga kota yang kurang berkemampuan akibat daripada peningkatan kos sara hidup termasuk golongan India. Untuk itu, pelbagai inisiatif telah diambil supaya kos sara hidup golongan ini dapat dikurangkan di samping kualiti hidup dapat dipertingkatkan ke tahap yang

lebih memuaskan.

4. Kerajaan amat prihatin terhadap kebajikan masyarakat khususnya di Wilayah Persekutuan. Kementerian Wilayah Persekutuan memberi keutamaan kepada aspek kebajikan warga Wilayah dengan menggerakkan program-program di bawah Inisiatif Wilayah Peduli 2019 seperti program jati diri, bantuan Van Wilayah, bas percuma GoKL, bantuan peralatan kesihatan dan sebagainya yang telah banyak memberikan manfaat kepada warga Wilayah Persekutuan terutamanya kepada golongan yang kurang berkemampuan.

SUMBANGAN DEEPAVALI

Para hadirin hadirat sekalian,

5. Seperti tuan-tuan dan puan-puan sedia

maklum, perayaan Hari Deepavali yang bakal disambut oleh penganut beragama Hindu pada 27 Oktober 2019 akan menjelang tidak lama lagi. Sehubungan dengan itu, adalah menjadi harapan Kementerian dan juga Kerajaan untuk memastikan semua golongan dapat menyambut sambutan perayaan tersebut bersama ahli keluarga dan saudara mara dengan meriah dan penuh keceriaan.

6. Tidak ketinggalan, majlis ini juga adalah salah satu usaha untuk mendekati warga Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur seterusnya mengeratkan perpaduan kaum di negara kita. Pengajuran majlis ini dilaksanakan secara kerjasama strategik Kementerian Wilayah Persekutuan bersama-sama dengan DBKL dan KK Mart. Seramai 300 keluarga yang memerlukan telah dipilih melalui eKasih akan menerima bantuan wang tunai RM150 dan juga

menerima barang keperluan harian daripada KK Mart. Jutaan terima kasih diucapkan kepada KK Mart. Jasa baik semua adalah sangat dihargai dan diharap akan berterusan sehingga bila-bila. Mudah-mudahan pemberian bantuan sempena sambutan pesta cahaya ini akan memberikan satu sinar kebahagian kepada keluarga yang kurang berkemampuan di Kuala Lumpur untuk menyambut perayaan Deepavali dengan gembira bersama keluarga tersayang.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

PENUTUP

7. Akhir kata, saya ingin menyampaikan setinggi-tinggi penghargaan kepada Jawatankuasa Penganjur Program Sumbangan Deepavali bagi tahun 2019 dan semua pemimpin

masyarakat setempat yang hadir dan telah memberikan kerjasama yang baik menjayakan program ini. Semoga semua segala usaha murni kita ini diberkati oleh Allah swt.

8. Ucapan terima kasih juga kepada semua pihak khususnya Kementerian Wilayah Persekutuan, DBKL, KK Mart dan semua yang terlibat. Di akhir kata saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Deepavali kepada semua penganut agama Hindu yang menyambutnya.

“Deepavali Nal Valtu-Kal”

Wabillahitaufik

Walhidayah

Wassalamualaikum

Warahmatullahi

Wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.

